Peril-peril

SYARIKAT akan melalui bayaran atau opsyen melalui pengembalian semula atau pembaikan **MENANGGUNG RUGI** Pihak Diinsuranskan bagi kerugian dan kerosakan ke atas Harta Diinsuranskan yang disebabkan oleh Peril-Peril yang disebutkan di bawah ini:

1. **KEBAKARAN, KILAT, SAMBARAN PETIR, KEBAKARAN BAWAH TANAH.**
2. **LETUPAN.**
3. **PESAWAT UDARA** serta peranti dan/atau artikel udara yang terjatuh ke bawah.
4. **HENTAMAN** ke atas apa-apa bangunan oleh sebarang kenderaan-kenderaan jalan raya atau haiwan yang bukan kepunyaan atau berada di bawah kawalan Pihak Diinsuranskan atau mana-mana ahli keluarganya.

5. **TANGKI, RADAS ATAU PAIP AIR RUMAH PECAH ATAU MELIMPAH** tidak termasuk: kemusnahan atau kerosakan yang terjadi ketika Rumah Penginapan Persendirian itu ditinggalkan tanpa penghuni.

6. **KECURIAN** diperluas yang tidak diikuti dengan perbuatan pecah masuk dengan kekerasan atau paksaan ke dalam bangunan, ataupun percubaan untuk melakukannya. Tidak termasuk kecurian secara terbuka, kecurian oleh para pekerja dan kecurian ketika Bangunan tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya dipinjamkan, disewakan atau disewakan semula; kecurian di sebarang bangunan luarnya yang tidak mempunyai perhubungan langsung dengan Rumah Penginapan Persendirian atau Rumah Pangsa Persendirian itu.

DISYARHTKAN bahawa sekiranya berlaku di mana Penginapan Persendirian itu ditinggalkan tanpa penghuni di dalamnya selama lebih dari sembilan puluh (90) hari sama ada secara berturut-turut ataupun tidak dalam masa mana-mana satu Tempoh Insurans, maka insurans terhadap Peril ini – kecuali jika dipersetujui sebaliknya oleh pengendorsan yang dibuat kemudian – hendaklah ditangguhkan secara keseluruhan bagi sebarang tempoh atau tempoh-tempoh di mana Penginapan Persendirian itu mungkin tidak berpenghuni bagi lebih dari sembilan puluh (90) hari yang disebutkan sebelum ini.

7. **BADAI, SIKLON, TAUFAN, RIBUT.**

8. **GEMPA BUMI, LEDAKAN GUNUNG BERAPI.**

9. Sebarang jenis **BANJIR.**

10. **ATAMAN DAN GELINCIRAN TANAH.**

- (a) tidak termasuk kerugian atau kerosakan ke atas ekor dari daripada pergerakan tapak lantai pejal kecuali asas di bawah dinding luar bangunan berkenaan dirosakkan oleh sebab yang sama dan pada waktu yang sama;
- (b) tidak termasuk kerugian atau kerosakan yang terjadi kerana atau berlaku melalui ataupun ekor dari daripada:
 - hakisan pantai atau sungai
 - perobohan, pengubahan struktur atau pembaikan
 - reka bentuk yang cacat atau pembinaan asas yang kurang cukup

11. **RUSUHAN, MOGOK DAN KEROSAKAN NIAT JAHAT.**

Pengecualian Am (Bahagian I A-H Dan II A)

Polisi ini tidak melindungi:

1. Sebarang kerugian, kerosakan atau perkara-perkara luar jangkaan lain yang terjadi secara langsung atau tidak langsung kerana atau melalui ataupun ekor dari daripada kejadian-kejadian berikut:
 - (a) Perang, serangan, tindakan musuh asing, perseteruan atau kegiatan-kegiatan serupa perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara;

- (b) Dahagi, rusuhan, pemberontakan tentera atau awam, kebangkitan, penentangan, revolusi, kuasa tentera atau rebutan kuasa, undang-undang atau pengepungan pihak tentera atau sebarang peristiwa atau sebab-sebab yang menentukan sesuatu proklamasi atau pengekalangan undang-undang tentera atau pengepungan pihak tentera;

- (c) Sebarang tindakan keganasan.

Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendiri atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian orang awam berada dalam ketakutan.

Untuk Bahagian I A-H yang disebutkan di atas ini:

Sebarang kerugian, kerosakan atau perkara-perkara luar jangkaan lain yang terjadi semasa wujudnya keadaan-keadaan abnormal (sama ada secara fizikal atau sebaliknya) yang terjadi secara langsung atau tidak langsung kerana atau melalui ataupun ekoran daripada sebarang daripada kejadian-kejadian tadi hendaklah disifatkan sebagai kerugian, kerosakan atau perkara luar jangkaan yang tidak dilindungi oleh insurans ini, kecuali hingga ke takat di mana Pihak Diinsuranskan hendaklah membuktikan bahawa kerugian, kerosakan atau perkara luar jangkaan tersebut telah berlaku secara bebas tanpa wujudnya keadaan-keadaan abnormal itu.

Bagi sebarang tindakan, guaman atau prosiding lain jikalau Syarikat mendakwa bahawa atas sebab peruntukan-peruntukan bagi pengecualian ini di mana sebarang kerugian atau kerosakan tidak dilindungi oleh insurans ini, maka beban bukti (burden of proving) untuk menunjukkan bahawa kerugian atau kerosakan tersebut sepatutnya dilindungi adalah terletak pada Pihak Diinsuranskan.

2. (a) (i) Kerugian atau kerosakan yang terjadi kerana pemberhentian kerja; atau kerana perampasan, penawanan untuk kegunaan, rekuisisi atau kemusnahan atau kerosakan ke atas Harta atas perintah Kerajaan de jure atau de facto atau oleh mana-mana pihak Perbandaran Awam atau pihak Berkuasa Tempatan di negara atau kawasan di mana Harta tersebut berkedudukan; atau terjadi ke atas Harta tersebut kerana penapaiannya sendiri, penghinaan semula jadi atau pembakaran (combustion) spontan atau kerana ia mengalami sebarang proses penghinaan atau pengeringan;
- (ii) Kerugian atau kerosakan atau perkara-perkara luar jangkaan lain yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau berpunca daripada atau berbangkit daripada atau dihasilkan oleh bahan senjata-senjata nuklear.
- (b) Kerugian atau kerosakan atau perkara-perkara luar jangkaan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau berpunca atau berbangkit daripada ataupun dihasilkan oleh sinaran mengion (ionising radiations) atau pencemaran oleh keradioaktifan daripada sebarang bahan bakar nuklear atau daripada sebarang sisa nuklear sebab pembakaran (combustion) bahan bakar nuklear dan bagi tujuan Pengecualian 2(b) ini semata-mata, pembakaran hendaklah merangkumi sebarang proses swapenahanan (self-sustaining) bagi pembelahan nuklear (nuclear fission).

3. Sebarang jenis kerugian turutan (consequential loss) atau kerosakan.

DISYARATKAN SEPERTI BIASA bahawa pelaksanaan dan penuhiannya terma-terma, syarat-syarat dan pengendoursan-pengendoursan Polisi ini yang Pihak Diinsuranskan wajar amalkan dan patuhi serta kebenaran pada pernyataan dan jawapan-jawapan dalam Cadangan yang dibuat itu hendaklah dijadikan syarat-syarat terdahulu (conditions precedent) kepada sebarang liabiliti Syarikat sebelum ia membuat apa-apa bayaran di bawah Polisi ini.

Bahagian II - Perkara-Perkara Luar Jangkaan Lain

A. Liabiliti Kepada Pihak Awam

Syarikat akan menanggung rugi Pihak Diinsuranskan sehingga tetapi tidak melebihi agregat bagi sebarang tuntutan terhadap semua jumlah di mana Pihak Diinsuranskan boleh dipertanggungjawabkan dari segi undang-undang sebagai pemilik isi rumah (householder) persendirian yang menghuni Rumah Penginapan Persendirian untuk membayar sebagai ganti rugi bagi kemalangan-kemalangan yang berlaku di dalam atau di sekitar Rumah Penginapan Persendirian tersebut semasa dalam Tempoh Insurans yang mengakibatkan:

1. Kecelakaan anggota ke atas sesiapa sahaja yang bukan ahli keluarga atau isi rumah Pihak Diinsuranskan ataupun pada masa kecelakaan tersebut dialami dia berada dalam perkhidmatan Pihak Diinsuranskan.
2. Kerosakan ke atas harta yang bukan kepunyaan atau berada dalam penjagaan atau di bawah kawalan Pihak Diinsuranskan atau seseorang ahli keluarga atau isi rumah atau yang berkhidmat dengannya.

Disyaratkan seperti biasa bahawa amaun yang boleh dibayar di bawah Polisi ini bagi mana-mana satu kemalangan atau kemalangan-kemalangan susulan yang terbit daripada satu kejadian hendaklah dalam hal apa pun tidak melebihi jumlah yang ditetapkan dalam Jadual.

Sebagai tambahan, Syarikat akan menanggung rugi Pihak Diinsuranskan bagi:

- (a) Kos dan belanja guaman yang boleh dipulihkan daripada Pihak Diinsuranskan oleh sebarang pihak menuntut dengan syarat kos dan belanja tersebut telah ditanggung sebelum tarikh (jika ada) di mana Syarikat telah membayar atau menawarkan untuk membayar sama ada amaun penuh ke atas tuntutan tersebut atau keseluruhan amaun yang boleh dipulihkan ia ke atas mana-mana satu kejadian yang disyaratkan sebelum dari ini;
- (b) Kos dan belanja guaman yang ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan dengan izin Syarikat.

Dengan syarat bahawa tanggung rugi dan kos guaman yang ditanggung Syarikat tidak akan melebihi Had Tanggung Rugi yang disebutkan dalam jadual.

Syarikat tidak boleh dipertanggungjawabkan dalam hal apa jua pun di bawah Polisi ini ke atas:

- (i) Kecelakaan atau Kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan:
- (a) profesion atau perniagaan Pihak Diinsuranskan; atau
 - (b) pemunyaan, pemilikan atau penggunaan oleh atau bagi Pihak Diinsuranskan mana-mana lif, kenderaan, kapal atau pesawat daripada sebarang jenis; atau
 - (c) menjalankan kerja-kerja perubahan, penambahan, pembaikan atau dekorasi ke atas premis berinsurans itu.
- (ii) Liabiliti yang berpunca daripada sebarang kontrak tanggung rugi yang mengenakan liabiliti ke atas Pihak Diinsuranskan yang pasti tidak akan dikenakan ke atas Pihak Diinsuranskan jika tidak kerana kontrak ini.

Sekiranya berlaku kematian ke atas Pihak Diinsuranskan, Syarikat akan menanggung rugi bagi liabiliti yang ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan melalui wakil peribadinya mengikut terma-terma dan tertakluk kepada batasan-batasan Bahagian ini dengan syarat wakil peribadi tadi hendaklah seolah-olah dia adalah Pihak Diinsuranskan mematuhi, menunaikan dan dikenakan Terma-Terma Polisi ini selagi mana ia boleh dipakai. Bahagian ini tidak boleh dipakai untuk mana-mana bahagian Rumah Penginapan Persendirian itu untuk sebarang kegunaan lain yang ada kaitan dengan profesion Pihak Diinsuranskan ketika Rumah Penginapan Persendirian itu sedang digunakan.

Bagi tujuan bahagian ini, ungkapan "Pihak Diinsuranskan" hendaklah disifatkan termasuk suami atau isteri Pihak Diinsuranskan.

B. Kemalangan Diri

Jikalau sesuatu Jumlah Diinsuranskan untuk perlindungan Kemalangan Diri itu ada disebutkan dalam Jadual di dalam ini, Syarikat hendaklah mengadakan perlindungan Kemalangan Diri kepada Pihak Diinsuranskan mengikut terma-terma dan syarat-syarat berikut:

Jika semasa Tempoh Insurans ini Pihak Diinsuranskan mengalami kecederaan anggota yang disebabkan oleh kemalangan teruk secara luaran dan terlihat yang berlaku semata-mata bebas daripada sebarang sebab lain hingga mengakibatkan kematian ke atas Pihak Diinsuranskan atau hilang upaya kekal seperti yang didefinisikan kemudian dari ini di mana Syarikat tertakluk kepada terma-terma, proviso-proviso, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat perluasan ini dan yang dicatat-terakan (di mana terma-terma, proviso. proviso, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat ini hendaklah sejauh mana keadaan masing-masing mengizinkan hendaklah disifatkan sebagai syarat terdahulu ke atas hak untuk pemulihan di bawah perluasan ini) – akan membayar kepada Pihak Diinsuranskan atau sekiranya berlaku kematian kepada wakil peribadinya yang sah di sisi undang-undang jumlah atau jumlah-jumlah Wang yang ditentukan dalam Jadual Faedah bagi Perlindungan Kemalangan Diri.

Jadual Faedah

Peratusan Jumlah Diinsuranskan		
KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN (Terjadi dalam masa 12 bulan bagi Kecelakaan Anggota)		
HILANG UPAYA KEKAL (Terjadi dalam masa 12 bulan bagi Kecelakaan Anggota) yang mengakibatkan:		
Hilang dua tangan-kaki		100%
Hilang dua tangan, atau semua jari and dua ibu jari		100%
Hilang penglihatan menyeluruh kedua-dua mata		100%
Kelumpuhan menyeluruh		100%
Kecelakaan yang menyebabkan terlantar kekal		100%
Sebarang kecederaan lain yang menyebabkan hilang upaya kekal		100%
Hilang lengan dari bahu		100%
Hilang lengan di antara bahu dengan siku		100%
Hilang lengan daripada siku		100%
Hilang lengan di antara siku dengan pergelangan		100%
Hilang lengan dari pergelangan		100%
Hilang kaki	daripada pinggul	100%
	di antara lutut dengan	100%
	pinggul di bawah lutut	100%
Hilang mata	seluruh penglihatan	100%
	Hilang penglihatan kecuali persepsi cahaya	50%
Hilang empat jari dan ibu jari sebelah tangan		50%
Hilang empat jari		40%
Hilang ibu jari	kedua-dua ruas	25%
	satu ruas	10%
Hilang jari telunjuk	tiga ruas	10%
	dua ruas	8%
	satu ruas	4%
Hilang jari tengah	tiga ruas	6%
	dua ruas	4%
	satu ruas	2%
Hilang jari manis	tiga ruas	5%
	dua ruas	4%
	satu ruas	2%
Hilang jari kelengkeng	tiga ruas	4%
	dua ruas	3%
	satu ruas	2%
Hilang tulang metakarpus	pertama atau kedua (tambahan)	3%

		ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	2%
	Hilang jari kaki	kesemua	15%
		jari besar, kedua-dua ruas	5%
		jari besar, satu ruas	2%
		selain jari besar, jika hilang lebih daripada satu jari kaki, setiap satu	1%
	Hilang pendengaran	kedua dua telinga	75%
		satu telinga	15%
	Hilang daya bercakap		50%

Jikalau kecederaannya tidak ditentukan, Syarikat mempunyai jaminan hak untuk mengambil beberapa peratus bagi hilang upaya daripada Skala di atas yang menurut pandangannya bukanlah tidak konsisten dengan peruntukan-peruntukan Skala di atas ini.

Hilang Penggunaan Tangan-Kaki Menyeluruh Kekal hendaklah dianggap seperti hilang tangan-kaki. Hilang Penggunaan Tangan-Kaki Separa Kekal tidak dibolekan membuat tuntutan di bawah Polisi ini. Hilang Daya Bercakap hendaklah dimaksudkan sebagai hilang upaya menyeluruh kekal untuk berkomunikasi secara bertutur.

Agregat semua peratusan yang boleh dibayar bagi mana-mana satu kemalangan hendaklah tidak melebihi 100%. Sekiranya berlaku di mana keseluruhan 100% telah dibayar, semua insurans di bawah Polisi ini hendaklah serta-merta dihentikan penguatkuasaannya. Semua kerugian lain yang lebih rendah daripada 100%, jika telah dibayar akan mengurangkan perlingkungannya mengikut amaun dari tarikh kemalangan itu sehingga Perluasan ini tamat.

Pengecualian – Untuk Bahagian II B

Perluasan ini tidak melindungi:

1. Kematian atau Hilang Upaya atau sebarang kerugian lain yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
 - (a) perang, serangan, tindakan musuh asing, perseteruan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, dahagi atau perebutan kuasa, mogok, kekacauan awam, kebangkitan pihak tentera atau umum;
 - (b) gila, bunuh diri (sama ada waras ataupun gila), kecederaan ke atas diri sendiri yang disengajakan atau sebarang percubaan untuk melakukan ini;
 - (c) sebarang jenis penyakit, jangkitan atau parasit;
 - (d) mabuk kerana alkohol atau dadah (selain yang dipreskripsikan oleh seorang pengamal perubatan berdaftar yang berkelulusan);
 - (e) melahirkan anak, keguguran, hamil atau sebarang kerumitan yang timbul daripadanya;
 - (f) pembunuhan atau serangan sebab provokasi.

2. Kematian atau Hilang Upaya atau sebarang kerugian lain yang dialami oleh Pihak Diinsuranskan:
 - (a) ketika mengendalikan atau menunggang kenderaan motor beroda-dua;
 - (b) ketika menaiki pesawat udara sebagai anggota kakitangan, kecuali hanya sebagai penumpang yang dikenakan tambang dalam sebuah pesawat udara berlesen untuk perkhidmatan penumpang. Bagi tujuan pengecualian ini, Pihak Diinsuranskan tidak akan dilindungi jika dia melakukan sebarang kegiatan teknikal atau penerbangan pesawat tersebut ketika dia berada di dalam pesawat berkenaan;
 - (c) ketika sedang melakukan atau cuba melakukan sebarang perbuatan jenayah.
3. Kematian atau Hilang Upaya atau sebarang kerugian lain yang berikutan sebaik sahaja Pihak Diinsuranskan melakukan kegiatan memburu, mendaki gunung, hoki di atas ais, bermain polo, lumba kuda berhalang (steeplechasing), sukan musim sejuk, lumba layar, ski air termasuk lompatan ski air, aktiviti bawah air yang melibatkan penggunaan radas pernafasan atau menggunakan jentera kerja kayu yang berpacu kuasa mekanik, perlumbaan (selain menggunakan kaki), pace-makings atau menyertai sebarang ujian kelajuan, ketahanan atau larian-larian laju yang lain.
4. Kematian atau Hilang Upaya secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada atau berbangkit daripada atau dihasilkan oleh Virus Kurang Daya Ketahanan Penyakit (HIV) atau Sindrom Kekurangan Daya Ketahanan (AIDS) ataupun apa-apa yang ada kaitan dengan HIV atau AIDS.
5. Kematian atau Hilang Upaya secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh atau yang dihasilkan oleh atau yang berpunca daripada:
 - (a) sinaran mengion atau pencemaran oleh keradioaktifan daripada sebarang sisa nuklear sebab pembakaran bahan bakar nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah merangkumi sebarang proses swapenahanan bagi pembelahan nuklear;
 - (b) bahan senjata-senjata nuklear.
6. Adalah menjadi syarat mutlak dan syarat terdahulu bagi liabiliti Penanggung Insurans bahawa apa-apa dan semua perlindungan Hayat Pihak Diinsuranskan di bawah perluasan ini tidak dibolekan secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam sebarang pekerjaan/tugas-tugas yang disebutkan di bawah ini. Walau bagaimanapun, faedah-faedah di bawah insurans ini boleh dibayar hanya bagi kematian kerana kemalangan dan hilang upaya berpunca daripada kecederaan anggota yang terjadi semasa melakukan kegiatan-kegiatan persendirian dan social yang normal di luar skop pekerjaan hayat Pihak Diinsuranskan.
 - (a) Pegawai polis, tentera dan pegawai penguatkuasaan undang-undang
 - (b) Penguji pesawat udara, pemandu pesawat atau kakitangan
 - (c) Penyelam
 - (d) Pemandu perlumbaan
 - (e) Joki
 - (f) Orang-orang yang melakukan kegiatan sukan profesional
 - (g) Orang-orang yang melakukan kerja perlombongan dan terowong bawah tanah
 - (h) Ahli bomba
 - (i) Pelaut dan nelayan di lautan

- (j) Wartawan perang
- (k) Pekerja pelantar minyak
- (l) Tukang menara
- (m) Pemunggah kapal
- (n) Orang-orang yang melakukan kerja merobohkan bangunan
- (o) Orang-orang yang melakukan kerja perkhidmatan ambulans
- (p) Tukang gergaji, pekerja membalak, pemandu/kelindan lori balak dan winc
- (q) Tukang mesin kerja kayu
- (r) Pengendali bahan letupan

Penanggung Insurans berhak menggunakan budi bicaranya yang mutlak untuk menolak perlindungan ke atas Hayat Pihak Diinsuranskan sesiapa sahaja walaupun Hayat Pihak Diinsuranskan tidak melibatkan sebarang pekerjaan yang disebutkan di atas.

Syarat-Syarat Am

1. Kandungan Kontrak

Polisi ini, Jadual dan sebarang Endorsementnya hendaklah dibaca bersama-sama sebagai satu kontrak di mana sebarang kata-kata dan ungkapan-ungkapan yang mempunyai maksud-maksud tertentu yang telah diselitkan di mana-mana bahagian Polisi ini atau Jadual atau pengendornannya memang mempunyai maksud-maksud tertentu di mana sahaja ia terdapat.

2. Kemunasabahan

Pihak Diinsuranskan hendaklah mengambil semua langkah yang munasabah demi keselamatan Harta Pihak Diinsuranskan seolah-olah ianya tidak diinsuranskan.

3. Amalan Dan Penunaian Yang Wajar

Pelaksanaan dan penunaian terma-terma, syarat-syarat dan pengendornan-pengendornan Polisi ini yang Pihak Diinsuranskan wajar amalkan dan patuhi serta kebenaran pada pernyataan dan jawapan-jawapan dalam Cadangan yang dibuat itu hendaklah dijadikan syarat-syarat terdahulu kepada sebarang liabiliti Syarikat sebelum ia membuat apa-apa bayaran di bawah Polisi ini.

4. Sumbangan

Jika pada masa berlakunya sebarang kerugian atau kerosakan yang dilindungi oleh Polisi ini terdapat pula insurans lain jenis apa sekalipun yang melindungi Harta Diinsuranskan yang sama itu, tidak kira sama ada ia diambil oleh Pihak Diinsuranskan atau tidak, Syarikat tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar atau membuat sumbangan yang lebih daripada bahagian kerugian atau kerosakan tersebut yang boleh dikadarkan, dan sebaik sahaja terjadinya sebarang kerugian atau kerosakan tersebut, Pihak Diinsuranskan hendaklah serta-merta memberi notis kepada Syarikat tentang insurans-insurans lain yang diambil oleh Pihak Diinsuranskan ataupun bagi Pihak Diinsuranskan yang melindungi Harta berkenaan atau mana-mana bahagian Harta yang Diinsuranskan itu di bawah Polisi ini manakala apa-apa tuntutan yang dibuat di bawah Polisi ini tidak boleh dibayar oleh Syarikat sehingga notis tersebut diterima oleh Syarikat.

5. Perubahan Pada Risiko

Notis hendaklah diberikan kepada Syarikat serta-merta ke atas sebarang perubahan jikalau risiko bagi kerugian, kemusnahan atau kerosakan ditambahkan, manakala Syarikat tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kerugian, kemusnahan atau kerosakan yang dihasilkan secara menyeluruh atau sebahagian oleh perubahan tersebut kecuali jika ia telah dipersetujui secara nyata untuk bertanggungjawab ke atas risiko yang diubah itu.

6. Tuntutan

Pihak Diinsuranskan hendaklah mengambil semua langkah berjaga-jaga yang munasabah demi keselamatan Harta Diinsuranskan itu dan hendaklah sebaik sahaja terjadi sesuatu peristiwa yang mengakibatkan atau boleh mengakibatkan sesuatu tuntutan itu dibuat di bawah Polisi ini segera:

- (a) Dalam hal kecurian atau perbuatan jenayah lain, memberitahu pihak polis dan memberi segala bantuan yang munasabah untuk mencari dan menghukum orang atau orang-orang yang bersalah itu serta mengesan dan mendapatkan kembali harta yang hilang itu;
- (b) Dalam semua hal, hendaklah diberi notis kepada Syarikat secara bertulis dan dalam masa empat belas (14) hari selepas itu mengiriskan kepada Syarikat suatu tuntutan secara bertulis dengan memberikan semua butiran dan bukti dalam bentuk dokumen atau sebaliknya untuk menyokong tuntutan tersebut yang mungkin dikehendaki semunasabahnya oleh Syarikat;
- (c) Pihak Diinsuranskan tidak dibolehkan tanpa izin bertulis Syarikat memberi kuasa untuk membaiki, mengembalikan semula atau memindahkan mana-mana daripada Harta Diinsuranskan itu yang menjadi punca tuntutan tersebut di bawah Polisi ini.

7. Hak Syarikat Sekiranya Berlaku Tuntutan

Sebaik sahaja terjadinya sebarang kerugian atau kerosakan ke atas Harta Berinsurans itu, Syarikat hendaklah dibenarkan masuk ke dalam sebarang bangunan di mana kerugian atau kerosakan tadi telah berlaku dan mengambil serta menyimpan Harta Berinsurans itu dan menguruskan apa-apa salvaj secara yang munasabah, manakala Polisi ini atau sebarang salinannya yang disahkan oleh Syarikat hendaklah dijadikan bukti kebenaran dan lesen bagi tujuan tadi. Harta tersebut tidak boleh diserahkan kepada Syarikat.

8. Subrogasi

Syarikat berhak untuk, bagi apa-apa risiko yang diinsuranskan di bawah Polisi ini, termasuk program DMA yang dilampirkan di sini yang menjadi sebahagian daripada Polisi ini, menggunakan nama Pihak Diinsuranskan secara mana yang difikirkan sesuai untuk mengenakan prosiding terhadap sebarang orang bagi mendapatkan kembali pampasan untuk kerugian tersebut. Syarikat hendaklah dibenarkan mendapat semua hak subrogasi sama ada secara tanggung rugi atau sebaliknya, manakala Pihak Diinsuranskan hendaklah memberi semua maklumat dan bantuan melalui kuasa yang ada padanya berhubung dengan perkara tersebut – tanpa mengenakan apa-apa belanja ke atas Syarikat – dan melaksanakan semua tugas-tugas tadi yang mungkin dikehendaki semunasabahnya oleh Syarikat.

9. Salah Nyataan

Polisi ini:

- (a) akan menjadi terbatal sekiranya berlaku salahnyataan (misrepresentation) atau ketakdedahan (non-disclosure) sebarang butiran matan; dan/atau
- (b) akan menjadi terbatal dan semua faedah terlucut haknya jika mana-mana tuntutan adalah palsu atau ditokok-tambah atau pengisytiharannya adalah palsu.

10. Pembatalan

Syarikat boleh membatalkan Polisi ini dengan memberi notis tidak kurang dari empat belas (14) hari melalui Surat Berdaftar ke alamat terakhir Pihak Diinsuranskan yang diketahui dan dalam hal ini Syarikat akan membayar balik bahagian premium mengikut kadar bagi Tempoh Insurans yang masih belum tamat. Insurans ini boleh dibatalkan oleh Pihak Diinsuranskan pada sebarang masa dengan memberi notis secara bertulis tidak kurang dari empat belas (14) hari kepada Syarikat di mana Syarikat akan menahan kadar tempoh pendek (short period rate) yang lazim dilakukan bagi tempoh yang berisiko itu.

11. Pengembalian Semula

Sekiranya berlaku kerugian, insurans di bawah Polisi ini akan dikekalkan penguatkuasaannya bagi sepenuh jumlah diinsuranskan itu manakala Pihak Diinsuranskan boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar premium tambahan yang dikira mengikut amaun yang rugi atas dasar pro rata dari tarikh kerugian tersebut hingga Tempoh Insurans yang ada itu tamat berkuat kuasa.

12. Had Bidang Kuasa

Polisi ini tertakluk kepada undang-undang Malaysia di mana mahkamah-mahkamah Malaysia mempunyai bidang kuasa ke atasnya.

13. Had Umur

Dipersetujui bahawa hayat Pihak Diinsuranskan hendaklah berumur 16 hingga 65 tahun pada tarikh kemasukan ke dalam insurans manakala mereka hendaklah bebas daripada kecacatan fizikal serta mempunyai kesihatan yang normal. Syarat ini juga dipakai setiap kali pembaharuan Polisi ini hendak dilakukan.

14. Kewajipan Pendedahan

- (a) **Kontrak Insurans Pengguna**
Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Pihak Diinsuranskan memohon Insurans ini sepenuhnya **bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Pihak Diinsuranskan**, Pihak Diinsuranskan mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Syarikat dengan penuh dan tepat serta mendedahkan apa-apa perkara lain yang Pihak Diinsuranskan ketahui ada berkaitan dengan keputusan Syarikat menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak. **Kewajipan pendedahan ini berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.**

- (b) **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Pihak Diinsuranskan memohon Insurans **bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Pihak Diinsuranskan**, Pihak Diinsuranskan mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Pihak Diinsuranskan ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan Syarikat dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak. **Kewajipan pendedahan ini berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.**

- (c) Diinsuranskan juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada Syarikat dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

15. Cukai Berkenaan

Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa dan sebarang duti, cukai, levi, atau apa-apa jua impos (dirujuk secara kolektif sebagai **"Cukai Berkenaan"**) yang diperkenalkan oleh sebarang pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan pembekalan sebarang barangan dan/atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah Polisi ini, Kami berhak mengenakan sebarang Cukai Berkenaan yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Cukai Berkenaan yang perlu dibayar akan dibayar sebagai tambahan kepada premium dan caj-caj lain yang berkenaan. Semua peruntukan dalam Polisi ini mengenai pembayaran premium dan keingkaran akan turut digunapakai dengan Cukai Berkenaan.

Fasal-fasal

A. Fasal Kecurian Kerana Pemalsuan (Penipuan)

Syarikat tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau berpunca daripada perbuatan menipu oleh sesiapa sahaja dengan maksud menurut definisi kesalahan menipu yang dinyatakan dalam Kanun Jenayah.

Menipu yang didefinisikan dalam Kanun Jenayah adalah seperti berikut:

Barang siapa dengan memperdayakan sesiapa sahaja secara menipu atau tidak jujur mendorong orang yang diperdayakan itu untuk menyerahkan apa-apa harta atau sengaja mendorong orang yang diperdayakan itu untuk melakukan atau meninggalkan (omit) daripada melakukan sesuatu perbuatan yang dia tentu tidak akan lakukan atau meninggalkan daripada melakukan perbuatan tersebut jika dia tidak diperdaya, di mana perbuatan yang dilakukan atau di tinggalkan itu berkemungkinan menyebabkan kerosakan atau kemudaratan ke atas orang tersebut pada tubuh, pemikiran, kehormatan atau hartanya, dikira telah menipu.

B. Fasal Nilai Pasaran

Dengan ini adalah dipersetujui bahawa sekiranya berlaku kerugian ke atas Harta Diinsuranskan itu di sini, had tanggung ruginya hendaklah dijadikan Nilai Berinsurans atau Nilai Pasaran bagi Harta Berinsurans itu, atau mana-mana yang lebih rendah, tertakluk pada pemotongan ke atas sebarang lebihan (excess) dan amaun yang Pihak Diinsuranskan dikehendaki menanggung di bawah Polisi ini.

Bagi tujuan fasal ini, istilah Nilai Pasaran hendaklah dimaksudkan sebagai nilai Harta yang Diinsuranskan di sini pada masa kerosakan atau kerugian tersebut terjadi ditolak elauan yang kena bayar untuk peningkatan, haus dan lusuh dan/atau susut nilai.

Sekiranya berlaku sesuatu pertikaian, Nilai Pasaran bagi Harta Berinsurans itu hendaklah bagi tujuan fasal ini ditetapkan oleh suatu penilaian yang Syarikat peroleh daripada ejen tunggal dibenarkan oleh pihak pengilang, broker dibenarkan atau pengedar dibenarkan bagi kos penggantian atau pengembalian semula Harta Berinsurans itu atau kerugian mengikut masa kerugian atau kerosakan tersebut terjadi.

Sekiranya berlaku keadaan di mana semasa kerugian atau kerosakan tersebut berlaku tidak terdapat pengilang, ejen tunggal dibenarkan, broker dibenarkan atau pengedar dibenarkan bagi Harta Diinsuranskan itu, peniliannya hendaklah diperolehi daripada seorang Ajuster Kerugian berlesen di bawah Akta Insurans 1963 dan dilantik bersama oleh kedua-dua pihak.

Penilaian ke atas Harta Berinsurans oleh pengilang, ejen tunggal dibenarkan, broker dibenarkan atau pengedar dibenarkan atau Ajuster Kerugian berlesen di bawah Akta Insurans 1963 adalah bukti muktamad Nilai Pasaran bagi Harta Berinsurans itu ke atas sebarang prosiding terhadap Syarikat.

Tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat dan pengecualian-pengecualian Polisi ini ataupun sebaliknya.

C. Fasal Pasangan Dan Set

Dengan ini adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa walau apa pun terkandung dalam Polisi ini yang bertentangan, jikalau sesuatu barang yang diinsuranskan itu terdiri daripada satu pasangan atau satu set, Syarikat tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar lebih daripada nilai yang boleh dikadarkan bagi mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian tertentu untuk barang yang mungkin menjadi sebahagian daripada sesuatu pasangan atau set itu.

Tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat dan pengecualian-pengecualian Polisi ini ataupun sebaliknya.

D. Pengenalpastian Tarikh

Adalah difahamkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dipinda seperti berikut:

1. Syarikat tidak membayar apa-apa kerugian atau kerosakan termasuk kehilangan keupayaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal, kecederaan (termasuk kecederaan anggota), perbelanjaan tertanggung atau apa-apa kerugian turutan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, terdiri daripada, atau timbul daripada, kegagalan atau ketidakupayaan mana-mana komputer, alat memproses data, media mikrochip, sistem

operasi, mikropernproses (cip komputer), sirkit integrasi atau peranti serupa, atau mana-mana perisian komputer, sama ada harta Pihak Diinsuranskan atau tidak, dan sama ada berlaku sebelum, pada atau selepas tahun 2000 akibat daripada kegagalan atau ketidakupayaan peranti dan/atau perisian seperti tersebut di atas untuk:

- (a) mengenalpasti dengan betul apa-apa tarikh sebagai tarikh kalendar sebenar; dan/atau
 - (b) merakam, menyimpan, mengekalkan dan/atau mengendali dengan betul, menterjemah atau memproses apa-apa data atau maklumat atau perintah atau arahan akibat dari mengambil apa-apa tarikh selain dari tarikh calendar sebenar; dan/atau
 - (c) merakam, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul apa-apa data akibat dari operasi apa-apa arahan yang telah diprogram ke dalam mana-mana perisian komputer, sebagai perintah yang menyebabkan kehilangan data atau ketidakupayaan untuk merakam, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul data tersebut pada atau selepas apa-apa tarikh.
2. Adalah selanjutnya difahamkan bahawa Syarikat tidak akan membayar untuk memperbaiki atau mengubah suai mana-mana bahagian pada apa-apa sistem memproses data elektronik atau mana-mana bahagian pada apa-apa peranti dan/atau peristian seperti yang telah disenaraikan dalam 1. di atas.
 3. Adalah selanjutnya difahamkan bahawa Syarikat tidak akan membayar apa-apa kerugian atau kerosakkan termasuk hilang keupayaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal, kecederaan (termasuk kecederaan anggota), perbelanjaan tertanggung atau apa-apa kerugian turutan secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada nasihat, perundingan, rekaan, penilaian, pemeriksaan, pemasangan, penyelenggaraan, pembaikan atau penyeliaan yang dibuat oleh Pihak Diinsuranskan atau untuk Pihak Diinsuranskan atau oleh atau untuk pihak lain untuk menentukan, membetulkan atau menguji apa-apa kegagalan potensi atau sebenar, kepincangan tugas atau kekurangan seperti yang telah dinyatakan dalam 1. di atas.
 4. Adalah selanjutnya difahamkan bahawa Syarikat tidak akan membayar apa-apa kerugian turutan akibat daripada apa-apa ketidakupayaan berterusan komputer tersebut dan alat seperti yang dinyatakan dalam 1. di atas untuk mengenalpasti dengan betul apa-apa tarikh kalendar sebenar selepas kerugian atau kerosakan harta yang telah diganti atau dibaiki.

Kerugian atau kerosakan atau kerugian turutan yang dirujuk dalam 1, 2, 3 dan 4 di atas, adalah dikecualikan tanpa mengambil kira apa-apa sebab lain yang menyumbang serentak atau dalam mana-mana urutan pada masa yang sama.

Fasal Kecualian

Pengendorsan ini tidak termasuk apa-apa kehilangan turutan yang diakibatkan daripada peril yang diinsuranskan seperti yang didefinisikan di dalam Polisi ini.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini.

POLISI INI DAN SYARAT-SYARATNYA HENDAKLAH DIPERIKSA DENGAN TELITI DAN JIKA TERDAPAT KESILAPAN PULANGKAN IA SERTA-MERTA UNTUK PINDAAN.

Notis Penting

Waranti Premium

1. Di bawah kontrak insurans ini, premium yang mesti dibayar hendaklah dibayar kepada pihak **Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)** dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh risikonya mula berkuat kuasa, jika tidak kontrak ini akan terbatal secara automatik. Untuk butir-butir lanjut, sila rujuk kepada fasal waranti premium seperti yang tertera di bawah ini.
2. Apa-apa premium yang dibayar kepada broker insurans anda tidak akan disifatkan sebagai bayaran kepada Penanggung Insurans bagi tujuan waranti premium ini. Sila ambil perhatian bahawa jika urusan insurans ini dibuat melalui broker insurans anda, broker tersebut sebenarnya cuma bertindak bagi pihak anda untuk tujuan mendapatkan maklumat tentang kontrak insurans ini. Penting untuk anda memastikan bahawa broker insurans anda mengirimkan wang premium anda itu dengan mematuhi peraturan-peraturan waranti premium ini secara betul.

Fasal Waranti Premium

Telah menjadi syarat khas yang utama dan mutlak bagi kontrak insurans ini bahawa premium yang mesti dibayar hendaklah dibayar dan diterima oleh Penanggung Insurans dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh polisi/pengendorsan/sijil pembaharuan in mula berkuat kuasa.

Jika syarat tadi tidak dipatuhi, kontrak insurans ini akan terbatal secara automatik dan penanggung insurans akan diberi hak ke atas premium secara pro rata bagi tempoh yang melindungi risiko.

Jikalau premium yang dibayar menurut waranti ini diterima oleh seorang ejen berkuasa Penanggung Insurans, bayaran tersebut hendaklah disifatkan telah diterima oleh Penanggung Insurans bagi tujuan-tujuan waranti ini manakala kewajipan (onus) untuk membuktikan bahawa premium yang dibayar itu telah diterima oleh seseorang-termasuk seorang ejen insurans yang tidak diberi kuasa untuk menerima premium berkenaan adalah terletak pada Penanggung Insurans.

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini ataupun sebaliknya.

Pemberitahuan

Bagi tujuan dan maksud sekiranya terdapat konflik atau kekaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian Kontrak, adalah dipersetujui bahawa Kontrak versi Bahasa Inggeris akan digunakan.



Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)
(Licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia)

Lodging of Complaints / Penyerahan Aduan

We are committed to maintaining high levels of service, honesty, integrity and trustworthiness. If you have any reason to be dissatisfied with any of our products or services, we would like to hear from you. Your feedback is very important to us as we are always looking for ways to improve and serve you better. / *Kami berdedikasi untuk meningkatkan dan mengekalkan tahap perkhidmatan yang tinggi, jujur, penuh kebolehpercayaan dan amanah. Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan mana-mana produk atau perkhidmatan kami, kami ingin mendengarnya daripada anda. Maklum balas anda sangat penting kepada kami kerana kami sentiasa mencari peluang untuk memperbaiki mutu perkhidmatan kami.*

To provide us with your feedback, you may contact us via the following channels / *Untuk memberi sebarang maklum balas, anda bolehlah menghubungi kami melalui saluran-saluran berikut:*

Write to / Secara bertulis:

Customer Feedback Centre, Allianz Arena, Ground Floor Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Pusat Maklumbalas Pelanggan, Allianz Arena, Tingkat Bawah, Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

 1 300 22 5542

 customer.service@allianz.com.my

 allianz.com.my

Avenues to Seek Redress / Saluran untuk Penyelesaian Aduan

You may submit your complaint to the Financial Markets Ombudsman Service (FMOS) if you are not satisfied with our final response or decision, and if your complaint is within the scope of the FMOS as well as a monetary limit of RM250,000. / *Anda boleh mengemukakan aduan anda kepada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan muktamad kami, dan sekiranya aduan anda berada di dalam skop FMOS serta had monetari pertikaian tidak melebihi RM250,000.*

FMOS can be contacted at the following address / FMOS boleh dihubungi di alamat berikut:

Financial Markets Ombudsman Service (Company No: 200401025885)

Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia,

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (No. Syarikat: 200401025885)

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia,

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,

50000 Kuala Lumpur

 03 2272 2811

 fmos.org.my

If your complaint does not fall within the purview of FMOS, you may refer your complaint to Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) of Bank Negara Malaysia (BNM) at the following / *Jika aduan anda berada di luar bidang FMOS, anda bolehlah merujuk aduan anda kepada Laman Maklumat Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia (BNM) di alamat berikut:*

Mailing Address:

BNMLINK

Bank Negara Malaysia

P.O. Box 10922

50929 Kuala Lumpur

Secara Bertulis:

BNMLINK

Bank Negara Malaysia

Peti Surat 10922

50929 Kuala Lumpur

BNMLINK Office

4th Floor, Podium

Bangunan AICB

No. 10, Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur

Pejabat BNMLINK:

Tingkat 4, Podium

Bangunan AICB

No. 10, Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur

 1 300 88 5465

03 2174 1717 (Overseas / Luar Negara)

 03 2174 1515 (Fax / Faks)

 bnm.gov.my (Website / Laman Sesawang)

bnm.gov.my/livechat (Live Chat)

bnmlink.bnm.gov.my (eLINK Form / Borang eLINK)

For physical visits, BNMLINK will receive visitors by appointment only. The public may request for an appointment through eLINK Form or by telephone. / *Untuk kunjungan fizikal, BNMLINK hanya menerima pelawat melalui janji temu sahaja. Orang ramai boleh membuat janji temu melalui Borang eLINK atau menerusi telefon.*

You may check with our Customer Feedback Center on the types of eligible complaints handled by FMOS or BNM before submitting your complaint. / *Anda boleh merujuk dengan Pusat Maklumbalas Pelanggan kami mengenai jenis aduan yang dikendalikan oleh FMOS atau BNM sebelum mengemukakan aduan anda kepada mereka.* submitting your complaint.



Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)
(Licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia)

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)
(Licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia)

Allianz Customer Service Center

Allianz Arena, Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.
Allianz Contact Center: 1 300 22 5542 Email: customer.service@allianz.com.my AllianzMalaysia allianz.com.my